

MAHATHIR-PINJAMAN

1978

PASIT BUNTAR, 3 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBIDAS GOLONGAN YANG MENGECEM KERAJAAN KERANA MEMINJAM WANG DARI LUAR NEGERI.

TTIMBALAN MENTERI MENEGASKAN KERAJAAN MEMINJAM WANG DARI LUAR NEGERI ADALAH UNTUK MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN SUPAYA RAKYAT DAPAT MENGUBAH CORAK DAN MENIKMATI TARAF HIDUP YANG LEBIH BAIK.

BELIAU SEKALI LAGI MENEGASKAN BAHWA NEGARA-NEGARA ASING DAN INSTITUSI KEWANGAN LUAR NEGERI BERSEDIA MEMBERI PINJAMAN KEPADA MALAYSIA KERANA MEREKA TAHU YANG NEGARA INI MAMPU MEMBAYAR BALIK KERANA MEMPUNYAI EKONOMI YANG STABIL.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN KOMPLEKS LEMBAGA PADI DAN BERAS NEGARA (LPN) BERHARGA 16.5 JUTA DI SIMPANG LIMA, KRIAN.

BELIAU MENCABAR GOLONGAN ITU YANG MENDAKWA KONONNYA ADA RAKYAT YANG TIDAK SEDIKIT PUN MENIKMATI FAEDAH PEMBANGUNAN DAN MENDERITA SUPAYA MEMBUKTIKAN DAKWAAN MEREKA.

MENGENAI KOMPLEKS ITU, BELIAU BERHARAP PARA PETANI DI SEKITAR KAWASAN ITU TIDAK LAGI AKAN DITINDAS OLEH ORANG TENGAH MENGENAI HARGA PADI. -- BERSAMBUNG 1825/SZ  
MAHATHIR-PINJAMAN 2 PARIT BUNTAR

MENTERI BESAR PERAK WAN MOHAMED EIN HAJI WAN TEH MENSIFATKAN KOMPLEKS ITU SEBAGAI SATU LAGI TAMPAHAN KEPADA KENUDAHAN YANG DISEDIAKAN UNTUK FAEDAH PETANI-PETANI DI KAWASAN KRIAN.

KATANYA, KAWASAN PERSAWAHAN KRIAN DENGAN KELUASAN KIRA-KIRA 49,000 EKAR BUKAN SAHAJA MERUPAKAN SATU KAWASAN PADI YANG PENTING DI PERAK TETAPI JUGA DI SEMENANJUNG. -- BERNAMA 1728/YF